

# Singapura mungkin tidak faham perjalanan mahkamah

UM - 6 OCT 2003

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Singapura mungkin tidak faham dengan perjalanan mahkamah sebab itu ia meneruskan kerja-kerja penambakan laut di sekitar Selat Johor walaupun perkara tersebut kini telah dirujuk kepada Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (ITLOS).

Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan negara jiran itu mahu menunggu keputusan daripada tribunal berkenaan sebelum menghentikan aktiviti penambakan.

"Dia (Singapura) bukan faham itu semua, sebab kepimpinan kita doktor, kepimpinan dia peguam, dia tahu lebih," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan Formula Satu Bot Laju Dunia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan negara jiran yang masih meneruskan kegiatan penambakan walaupun isu itu kini sedang dibicarakan di ITLOS.

Singapura menjalankan kerja-kerja tersebut 24 jam sehari di sekitar Tuas, dekat Jurong serta Pulau Tekong dan Ubin di sebelah Changi.

Semalam Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perbuatan negara jiran itu seolah-olah tidak menghormati Malaysia.

Malaysia memfailkan tuntutan di ITLOS

Hamburg, Jerman yang didengar dua hari berakhir Sabtu lalu, untuk mendapatkan perintah sementara menghentikan kerja penambakan laut oleh Singapura di perairan yang bersempadan dengan Malaysia.

ITLOS dijangka mengeluarkan penghakiman berhubung kes itu Rabu ini.

Ditanya sama ada negara ini akan membuat bantah, Dr. Mahathir berkata, perkara itu perlu dikaji.

"Tidak tahu (mengenai bantahan), terpujalah, kita kena kaji," jelasnya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai cadangan Kementerian Kewangan untuk menggunakan ciri-ciri keselamatan baru termasuk penggunaan kaedah Mikrochip Malaysia (MM Chip) yang termaju pada cek sebagai usaha mengatasi masalah pengklonan dan pemalsuan Perdana Menteri berkata, ia mungkin berhasil.

Katanya, kaedah itu mungkin boleh menjadi penyelesaian kepada isu pengklonan cek termasuk membabitkan wang kerajaan.

Tetapi pada masa yang sama kata beliau, penjenayah juga semakin pandai dalam hal-hal seperti itu.

"Mungkin jadi penyelesaian, tengoklah, orang kita pandai tipu, tidak ada kerja lain, tipu saja," katanya.